

## BAHASA EMOTIF DALAM NOVEL *AL-LISS WA AL-KILAB* KARYA NAGUIB MAHFOUZ

Nurhasma Muhamad Saad<sup>i</sup> Wan Moharani Mohammad<sup>ii</sup> Muhammad Marwan Ismail<sup>iii</sup>  
Yuslina Mohamed<sup>iv</sup> & Zulkipli Md Isa<sup>v</sup>

<sup>i</sup> (Nurhasma Muhamad Saad). Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia.  
nurhasma@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. moharani@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. marwanismail@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. [yuslina@usim.edu.my](mailto:yuslina@usim.edu.my)

<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. [zulkipli@usim.edu.my](mailto:zulkipli@usim.edu.my)

### Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan cara Naguib Mahfouz memanfaatkan bahasa serta kesan yang ditimbulkan oleh penggunaan bahasa tersebut dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* (Pencuri dan Anjing-anjing). Kajian ini menerapkan metode deskriptif kualitatif dengan menggunakan pendekatan stilistik, menggunakan data dari novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz. Hasil dari kajian ini adalah, Naguib Mahfouz memanfaatkan bahasa dengan cara menggunakan kata-kata yang mengandungi ungkapan emotif meliputi ungkapan emosi cinta, terkejut, sedih, takut, kebencian dan marah. Kesan dari penggunaan bahasa Naguib Mahfouz dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* ialah pembaca dapat mengetahui makna dan pesan dari novel serta memberi ciri khas bahasa yang digunakan oleh Naguib Mahfouz. Kajian ini dapat disimpulkan bahawa pemanfaatan bahasa Naguib Mahfouz dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* dengan menggunakan ungkapan emotif. Kesan yang ditimbulkan oleh penggunaan bahasa Naguib Mahfouz membuat pembaca dapat memahami isi novel serta memberi ciri khas penggunaan bahasa yang digunakan oleh Naguib Mahfouz*

Kata kunci: *novel, emotif, Naguib Mahfouz, al-Liss wa al-Kilab.*

### PENDAHULUAN

Naguib Mahfouz merupakan penulis novel yang memiliki keistimewaan tersendiri dalam menggunakan bahasa. Ciri khas bahasa Naguib Mahfouz tampak pada gaya bahasa yang digunakannya dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*, dalam novel tersebut Naguib Mahfouz menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca, selain itu Naguib Mahfouz memanfaatkan ungkapan emotif yang dapat menimbulkan emosi pada watak dalam novel dan juga dapat mempengaruhi emosi pembaca untuk membuat bahasa yang digunakannya memiliki nilai keindahan tersendiri.

Menurut Lewandowski dalam Darmjuwono (2003) pemanfaatan bahasa bertujuan untuk menutupi realiti yang ada, dan mempengaruhi seseorang agar memiliki pandangan atau berperilaku sesuai dengan yang diinginkan terhadap orang

atau benda-benda tertentu demi kepentingan seseorang atau sekelompok orang. Pemanfaatan bahasa dapat dilakukan melalui pelbagai cara, antara lain:

1. Menggunakan kata-kata yang mengandung ungkapan emotif sehingga dapat menimbulkan emosi positif atau negatif.

Emotif adalah emosi yang timbul akibat adanya reaksi pembicaraan atau sikap pembicara terhadap apa yang difikirkan atau dirasakan yang melibatkan perasaan (pembicara dan pendengar, penulis dan pembaca) ke arah positif atau negatif (Nisrina et. al 2021).

2. Mengaburkan konsep kata melalui eufemisme.

Eufemisme adalah suatu penggunaan bahasa yang merupakan ungkapan-ungkapan halus untuk menggantikan ungkapan-ungkapan kasar. (Nisrina et al. 2021)

3. Menggunakan *majaz* sebagai pengungkap realiti secara tidak langsung

Untuk mengkaji cara sasterawan memanfaatkan bahasa dalam karya sastera dapat dilakukan dengan pendekatan stilistik. Menurut Sudjiman dalam Nisrina et. al (2021) stilistik mengkaji cara sasterawan memanipulasi atau memanfaatkan unsur dan kaedah yang terdapat dalam bahasa serta kesan yang ditimbulkan dari penggunaan bahasa tersebut. Kerana objek kajian stilistik adalah bahasa dalam karya sastera, novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz memiliki unsur bahasa yang dimanfaatkan pengarang dalam menuangkan emosi untuk mencapai kesan keindahan pada karyanya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan reka bentuk kajian analisis dokumen yang berbentuk teks prosa moden iaitu novel karya Naguib Mahfouz iaitu: *al-Liss wa al-Kilab* (Pencuri dan Anjing-anjing).

Teks yang dikaji atau dianalisis dalam kajian adalah aspek bahasa yang digunakan Naguib Mahfouz dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*. Novel yang digunakan adalah novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz yang diterbitkan oleh Maktabah Misr pada tahun 1961.

Teks akan dianalisis secara bersistematik. Fokus analisis memusatkan kepada penggunaan bahasa dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz dengan mengenal pasti perkataan, frasa, ayat yang menunjukkan emosi tertentu. Seterusnya, teknik menganalisis akan mengenal pasti kesan dari penggunaan bahasa emotif yang diperoleh dari novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian ini berupa deskripsi tentang stilistik dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz. Aspek yang dikaji dalam kajian ini meliputi pemanfaatan bahasa Naguib Mahfouz dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* yang terdiri dari penggunaan kata-kata yang mengandung ungkapan emotif sebagai cara pengungkap realiti secara tidak langsung serta kesan dari penggunaan bahasa tersebut.

Dalam menggunakan kata-kata yang mengandung ungkapan emotif, Naguib Mahfouz menggunakan beberapa ungkapan emotif yaitu ungkapan emosi cinta, sedih, terkejut, takut, kebencian dan marah. Kesan dari penggunaan ungkapan emotif ini adalah pembaca dapat memahami pesan, isi dan makna yang terdapat dalam novel.

## **PERBINCANGAN**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005) ungkapan bermaksud susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan) frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya. Mengungkap pula bererti mengeluarkan atau melahirkan isi hati dan lain-lain (dengan kata-kata, air muka, gerak geri dan lain-lain), memaparkan (perasaan, hati dan lain-lain), mengemukakan, memaparkan, menyatakan, atau menyampaikan. Emosi pula bermaksud perasaan, jiwa yang kuat, seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain. Manakala emotif bermaksud berhubungan dengan emosi seperti penggunaan bahasa secara emotif. Bahasa emotif merupakan salah satu gaya bahasa yang digunakan dalam kesusasteraan. Menurut istilah, bahasa emotif bermaksud bahasa yang mengandungi unsur-unsur imageri, simbolik makna tersirat dan lain-lain. Bahasa emotif bertujuan untuk menimbulkan kesan atau tindak balas emosi kepada pembaca. Selain menyampaikan idea, bahasa emotif juga memperlihatkan seni keindahan dan kehalusan bahasa. Bahasa yang baik mampu menjadikan pembaca berasa terharu, sedih, takut, resah, bersemangat dan sebagainya.

Berdasarkan analisis stilistik novel *al-Liss wa al-Kilab* yang meliputi penggunaan bahasa Naguib Mahfouz dalam ini, tentunya pemanfaatan bahasa sangat berpengaruh dalam pengungkapan gagasan pengarang ke dalam karyanya. Gaya bahasa yang digunakan Naguib Mahfouz tentunya berbeza dengan gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang novel lainnya. Naguib Mahfouz memanfaatkan bahasa pada novel *al-Liss wa al-Kilab* dilakukan dengan beberapa cara, antaranya menggunakan kata-kata yang mengandungi ungkapan emotif sehingga dapat menimbulkan emosi positif atau negatif.

Dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* terdapat pelbagai bentuk ungkapan emotif atau emosi, seperti emosi cinta, terkejut, sedih, takut, kebencian dan marah. Berikut ini adalah contoh petikan yang mengandungi unsur bahasa emotif terdapat dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz:

### **Ungkapan emosi cinta**

Ungkapan emosi cinta atau sayang adalah luahan perasaan cinta atau sayang kepada seseorang (wanita dan lelaki, antara keluarga, teman dan sahabat) yang disampaikan melalui ucapan atau tulisan yang berisikan ungkapan kasih sayang. Berikut adalah contoh analisis ungkapan emosi cinta yang terdapat dalam novel:

وتمثلت لعينيه في الظلمة بابتسامتها ودعابتها وحبها وتعاستها فانعصر قلبه، ودلت حاله على أنها كانت أشد تغلغلاً في نفسه مما تصوّر، وأنها كانت جزءاً لا يصح أن يتجزأ من حياته الممزقة المترنحة فوق الهاوية، وأغمض عينيه في الظلام واعترف اعترافاً صامتاً بأنه يحبها، وأنه لا يتردد في بذل النفس ليستردها سالمة، ونفخ غاضباً وهو يتساءل:

هل تتهتز شعرة في الوجود لضياعتها؟  
(*al-Liss wa al-Kilab*, Bab 16, ms 55)

Dalam gelap itu dia terbayang senyuman dan jenaka Nur, juga cinta dan deritanya. Jiwa Said tertekan. Kini dia sadar betapa Nur telah menembus masuk ke dalam jiwanya, jauh lebih dalam daripada yang disangkanya. Dia juga sadar kini betapa Nur sudah menjadi satu bahagian yang tidak lagi dapat diceraikan daripada kehidupannya yang kini tercabik-cabik dan hampir terlempar ke jurang kehancuran. Said menutup matanya dalam gelap itu dan diam-diam mengakui yang dia mencintai Nur dan tidak akan teragak-agak untuk mempertaruhkan nyawanya bagi membawa Nur pulang. Tiba-tiba terlintas pertanyaan yang mencetuskan kemarahannya: “Ada sesiap peduli tentang kehilangan Nur?” (Khianat, Bab 16, ms 180).

Dalam petikan di atas terdapat ungkapan emosi cinta kerana pada kalimat di atas menunjukkan rasa cinta Said kepada Nur. Naguib Mahfouz membuat emosi cinta yang dimiliki oleh Said terlihat lebih tulus kerana pada ungkapan di atas Said sanggup berkorban nyawa untuk membawa Nur pulang ke rumah. Dalam membuat emosi cinta di atas Naguib Mahfouz menggunakan kata-kata yang umum dan tidak ada unsur melebihi-lebihkan makna pada ungkapan di atas, kerana pada ungkapan di atas Naguib Mahfouz lebih menekankan emosi cinta yang terlihat sangat tulus yang dirasakan oleh Said.

### Ungkapan emosi terkejut

Ungkapan emosi terkejut adalah luapan perasaan kaget dan hairan yang dirasakan oleh seseorang yang dapat disampaikan melalui ekspresi wajah, ungkapan atau kata-kata yang mewakili perasaan terkejut tersebut. Berikut merupakan analisis ungkapan emosi terkejut yang terdapat dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz.

وفصل بينهما الصمت، ونبح في مشارف القرافة كلب، وصعدت عن نور تنهدة كالبخار، ثم ارتفع صوتها وهي

تقول في حزن بالغ: قالت أمامك مستقبل كالورد!

فتساءل متعجباً: مَنْ؟

— ضارية الودع، وقالت: سيجيء الأمان والاطمئنان!

(*al-Liss wa al-Kilab*, Bab 11, ms 43)

Diam menyela di antara mereka. Di tanah tinggi kawasan perkuburan sana seekor anjing menyalak. Nur mengeluh panjang dan kemudian berkata, “Katanya, “Masa depan kamu cerah, seindah mawar.”

Said tercengang.

“Kata siapa?”

“Seorang tukang tilik. Katanya nanti akan tiba buatku keamanan dan ketenteraman.”

(Khianat, Bab 11, ms 139-140)

Ungkapan di atas dikategorikan sebagai ungkapan emosi terkejut kerana pada petikan di atas menjelaskan bahawa penutur merasa sangat terkejut mendengar kata-kata Nur bahawa masa depannya akan cerah dan indah. Naguib Mahfouz dalam menggambarkan emosi tercengang dan terkejut yang dimiliki oleh Said Mahran menggunakan pilihan kata yang tepat sehingga membuat emosi yang dimiliki oleh Said Mahran tersebut dapat mempengaruhi emosi pembaca yang juga dapat merasakan terkejutnya Said Mahran akan kata-kata Nur.

### Ungkapan emosi sedih

Ungkapan emosi sedih adalah luahan perasaan sedih atau tangis yang dirasakan oleh seseorang yang disampaikan melalui ungkapan atau kata-kata yang mewakili perasaan sedih tersebut. Berikut merupakan ungkapan emosi sedih yang terdapat dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*:

فتأبَّت واشتد ميلها إلى الراء، جذبها نحوه بشيء من القوة؛ صرخت، ضمَّها إلى صدره فدافعه باكيةً، ومال نحوها ليلثم — رغم هزيمته ويأسه — فها، أو خدها، ولكنَّ شفَّتيه لم تلتما إلا ساعدها المتحرك في عصبية غير راحمة.

— أنا بابا، لا تخافي، أنا بابا!

وأفعمت رائحة شعرها روحه بذكرى أمها؛ فتقبَّضت أساريه، وازدادت البنت مُدافعةً وبكاءً، حتى قال المخبر: على مهلك، البنت لا تعرفك!

فتركها تجري يائساً، ثم اعتدل في جلسته وهو يقول بغضب: سوف آخذها!

ومضت هنيهة صمت قبل أن يقول له بياظة: هدى نفسك أولاً!

فقال بإصرار: لا بُدَّ أن تعود إليّ!

فقال المخبر بحدَّة: دع القرار للقاضي!

ثم التفت نحو عليش متسائلاً: نعم؟!

فقال عليش: الأمر لا يخصُّني في شيء، ولكن أمها لن تفرِّط فيها إلا بالشرع!

فقال المخبر: كما قلت أول الأمر، كلمة واحدة لا ثاني لها، وهي المحكِّمة!

وشعر سعيد بأنه لو تمادى في الغضب لانفجر جنونه، فتسلَّط على مشاعره بقوة غير طبيعية مُدكِّراً نفسه بأشياء

كاد ينساها، وقال بهدوء نسبي: نعم، المحكِّمة!

(*al-Liss wa al-Kilab*, Bab 1, ms 14-15)

Sana' enggan mendekati sebaliknya semakin menjauhkan diri ke belakang. Said menariknya dengan lebih kuat. Sana' menjerit. Said memeluk Sana' namun Sana' melawan dan menangis. Walaupun diselubungi rasa kecewa dan gagal, Said cuba lagi sekali mendekati Sana' untuk menciumnya dibahagian muka, namun dia hanya berjaya mencium lengan Sana' kerana budak perempuan itu meronta-ronta ingin melepaskan diri. "Akulah bapamu. Jangan takut, akulah bapamu.."

Bau rambut Sana' mengingatkan Said tentang ibu Sana', lalu Said berasa geram. Sana' tidak berhenti melawan dan menangis sehinggalah Hasbullah mencelah, "Tenang, mungkin budak perempuan ini tidak mengenalmu."

Akhirnya Said melepaskan Sana' yang kemudian lari ketakutan. Dengan penuh marah, Said kembali duduk di tempatnya dan berkata, "Aku akan ambil dia..."

Suasana sepi seketika sehinggalah Bayazah memecahkannya, "Tenangkan diri engkau dahulu."

"Dia mesti datang kembali kepadaku..."

"Serahkan urusan ini kepada hakim..." Hasbullah menjawab dengan tegas, lalu menyambung dengan meminta pandangan ilish pula, "...betul tak?"

"Aku langsung tidak terlibat dalam urusan ini, tetapi ibunya tentu tidak akan mengalah melainkan ada arahan tertentu daripada pihak mahkamah."

Hasbullah menambah, "Sama saja seperti yang aku katakan tadi, pihak yang sama, iaitu mahkamah!"

Said merasakan jika dia kekal marah, sudah tentu kemarahannya meletus. Maka dia cuba sedaya-upaya untuk memadamkannya sambil mengingatkan kembali beberapa perkara yang hampir dia lupakan. Dengan tenang semampunya, Said berkata, "Ya, mahkamah!"

(Khianat, Bab 1, ms 25-26)

Ungkapan di atas dikategorikan sebagai ungkapan emosi sedih kerana dalam petikan tersebut Said Mahran tampak menjelaskan kronologi penolakan anaknya sebagai bapa kandung Sana'. Naguib Mahfouz membangkitkan emosi sedih Said Mahran dengan cara membuat Said Mahran menceritakan dan mengingat masa lalu yang sangat menyakitkan seperti ungkapan di atas. Ungkapan emosi sedih yang dirasakan oleh Said Mahran tersebut dapat mempengaruhi emosi pembaca, dalam membaca ungkapan di atas. Pembaca dapat merasakan betapa sedih dan kecewanya Said Mahran kerana anaknya sendiri menafikannya sebagai bapa kandung.

### **Ungkapan emosi takut**

Ungkapan emosi takut adalah luahan perasaan gentar (ngeri), segan, gelisah atau khuatir (cemas) yang dirasakan oleh seseorang yang dapat disampaikan melalui ekspresi wajah, ungkapan atau kata-kata yang mewakili perasaan takut tersebut. Berikut merupakan analisis ungkapan emosi takut yang terdapat dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* karya Naguib Mahfouz.

ورأت عيناه المعدَّبتان بالخوف شبح الموت يشق الظلام، وجفلت سناء بلا أمل، وأحس حركة غادرة فاستشاط غضبًا وأطلق النار، وانحالم الرصاص حوله فخرق أذنيه، وتطاير نثار القبور، وأطلق الرصاص مرةً أخرى، وقد ذهل عن كل شيء، فانصبَّ الرصاص كالمطر، وفي جنون صرخ: يا كلاب!

(*al-Liss wa al-Kilab*, Bab 18, ms 61)

Mata Said yang sudah terseksa dengan ketakutan terlihat kelibat hantu kematian yang sedang menghendap dalam kegelapan. Sana' sudah berpaling daripada Said tanpa meletakkan sebarang harapan. Said dapat mengesan pergerakan yang dilakukan senyap-senyap berhampiran dengannya, lalu dia mula mengamuk dan melepaskan tembakan. Peluru-peluru berdesup menghujani dirinya sementara siulan wisel pihak polis membingit di telinga. Serpihan batu berterbangan di sekeliling kubur. Said melepaskan tembakan sekali lagi tanpa peduli kepada bahaya. Peluru kian berterbangan. "Kamu semua anjing!" Said terus mengamuk, dan tembakan demi tembakan dilepaskan dari semua arah.

(Khianat, bab 18, ms 199-200)

Ungkapan di atas dikategorikan sebagai ungkapan emosi takut kerana pada petikan di atas menunjukkan emosi takut Said Mahran apabila diserang hendap oleh polis. Naguib Mahfouz dalam menggambarkan emosi takut yang dimiliki oleh Said Mahran dengan menggunakan pilihan kata yang sesuai untuk menggambarkan emosi takut tersebut. Ia menggambarkan emosi takut Said Mahran dengan situasi yang sangat cemas, dikepung oleh polis dan dihujani tembakan yang bertalu-talu pada waktu malam yang gelap gelita. Hal tersebut membuat pembaca dapat langsung merasakan bagaimana rasa takut yang dirasakan oleh Said Mahran pada saat itu.

### Ungkapan emosi kebencian

Ungkapan emosi kebencian adalah luahan perasaan sangat tidak suka kepada sesuatu hal atau orang yang dirasakan oleh seseorang yang dapat disampaikan melalui ekspresi muka, ungkapan, atau kata-kata yang mewakili perasaan benci tersebut. Berikut merupakan ungkapan emosi benci yang terdapat dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*:

ترى بأي وجه يلقاك؟ كيف تتلاقى العينان؟، أنسيت يا عليش كيف كنت تتمسح في ساقى كالكلب؟، ألم أعلمك الوقوف على قدمين؟، ومن الذي جعل من جامع الأعتقاب رجلاً؟، ولم تنس وحدك يا عليش ولكنها نسيت أيضاً، تلك المرأة النابتة في طينة ننتة اسمها الخيانة. ومن خلال هذا الكدر المنتشر لا يبسم إلا وجهك يا سناء، وعمما قريب سأخبرمدي حظي من لقياك، عندما أقطع هذا الشارع ذا البواكي العابسة، طريق الملاهي البائدة، الصاعدة إلى غير رفعة، أشهد أني أكرهك، الخمارات أغلقت أبوابها ولم يبق إلا الحواري التي تحاك فيها المؤامرات، والقدم تعبر من آن لأن نقرة مستقرة في الطوار كالمكيدة، وضجيج عجلات الترام يكركر كالسب، ونداءات شتى تختلط كأنما تنبعث من نفايات الخضر، أشهد أني أكرهك.

(*al-Liss wa al-Kilab*, Bab 1, ms 8)

Mampukah engkau bayangkan raut wajahnya apabila bersemuka dengan engkau? Bagaimanakah empat mata ini saling berpandangan? Wahai Ilish, adakah engkau lupa tika engkau mengusap-usap kakiku seperti anjing? Bukankah aku yang ajar engkau cara untuk berdiri dengan dua kaki dan juga untuk menjadi pengampu?

Namun Ilish, bukan engkau seorang saja yang lupa, tetapi wanita itu pun sama juga. Wanita yang lahir dari lembah busuk yang bernama khianat. Lalu disebabkan bau busuk itu dia tidak akan memberikan senyuman kepada sesiapaupun kecuali kea rah wajah engkau, Sana'. Tidak lama lagi engkau akan sedar yang aku berdiri di hadapan engkau. Setapak demi setapak akan aku lalui jalan yang suram ini meskipun dahulu ia sebuah arked beli belah yang menghiburkan. Sungguh, aku sangat bencikan kalian! (Khianat, Bab 1, ms 13)

Ungkapan di atas dikategorikan sebagai ungkapan emosi benci kerana pada petikan di atas menunjukkan rasa benci Said Mahran yang sangat besar kepada Ilish dan bekas isterinya, Nabawiyyah. Dalam menggambarkan kebencian Said Mahran, Naguib Mahfouz menggunakan pilihan kata dengan memanfaatkan kata-kata yang mengandungi unsur sarkasme sehingga membuat membuat ungkapan di atas tampak kasar dan menyakitkan untuk didengar oleh kawan dan bekas isteri. Naguib Mahfouz menggambarkan emosi kebencian Said Mahran dengan sangat jelas sehingga pembaca dapat merasakan emosi Said Mahran dan emosi yang dirasakan oleh keduanya pada saat Said Mahran mengatakan bahawa Ilish seperti anjing dan Nabawiyyah itu wanita yang lahir dari lembah busuk.

### **Ungkapan emosi marah**

Ungkapan emosi marah adalah luahan perasaan sangat tidak senang kepada sesuatu hal atau orang yang dirasakan oleh seseorang yang dapat disampaikan melalui ekspresi wajah, ungkapan atau kata-kata yang mewakili perasaan marah tersebut. Berikut merupakan analisis ungkapan emosi marah yang terdapat dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*:

آن للغضب أن ينفجر وأن يحرق، وللخونة أن يياسوا حتى الموت، وللخيانة أن تكفر عن سحتها الشائهة

(*al-Liss wa al-Kilab*, bab 1, ms 7)

Kini tibalah masa untuk kemarahannya meletus lalu membakar sehingga para pengkhianatnya berasa sesal menuju ketibaan ajal, bahkan pengkhianatan akan memakan diri mereka kembali.

(Khianat, Bab 1, ms 11-12)

Ungkapan di atas dikategorikan sebagai ungkapan emosi marah kerana pada petikan di atas jelas bahawa pengkhianatan yang dilakukan oleh kawan, ketua, bekas isteri sehingga menimbulkan kemarahan Said Mahran. Dalam menggambarkan emosi marah di atas, Naguib Mahfouz menggunakan bahasa yang tepat untuk menggambarkan perasaan marah yang dirasakan oleh Said Mahran. Perkataan *ينفجر*

digandingkan dengan الغضب menunjukkan tahap kemarahan yang tinggi. Antara makna ialah meletup (Kamus Besar Dewan Arab – Melayu, 2015) dan meledak (Kamus al-Tullab, 1994). Naguib Mahfouz juga membuat emosi tersebut tidak hanya dengan perkataan (sebatas ucapan) tetapi juga dengan tindakan akibat letusan kemarahan iaitu Said Mahran membuat para pengkhianat menyesal dengan pengkhianatan mereka. Ungkapan marah tersebut digambarkan dengan sangat jelas melalui ungkapan dan tindakan yang dilakukan oleh Said Mahran. Pada ungkapan di atas pembaca dapat merasakan bagaimana emosi yang dirasakan oleh Said Mahran.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian mendapati bahawa Naguib Mahfouz banyak menggunakan bahasa emotif dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*. Bahasa emotif sesuai dengan emosi watak utama Said Mahran.

Berdasarkan analisis di atas, mengenai bagaimana Naguib Mahfouz memanfaatkan bahasa dengan menggunakan pendekatan stilistik ke dalam novel *al-Liss wa al-Kilab* tentunya memiliki efek tersendiri bagi penulis dan pembaca.

Pertama, efek dari menggunakan ungkapan emotif adalah pembaca dapat merasakan emosi yang diciptakan oleh Naguib Mahfouz melalui dialog pada masing-masing watak dalam novel *al-Liss wa al-Kilab*. Hal tersebut membuat pembaca dapat merasakan apa yang dialami oleh watak pada novel. Dan juga pembaca dapat lebih memahami pesan yang ingin disampaikan oleh pengarang, selain itu juga pembaca dapat ikut memposisikan dirinya sebagai watak dalam novel.

## RUJUKAN

- Hussin bin Awang . 1994. Kamus al-Tullab. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Kamus Besar Dewan Arab – Melayu. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naguib Mahfouz. 1961. *al-Liss wa al-Kilab*. Kaherah: Maktabah Misr.
- Naguib Mahfouz. 2020. *Khianat*. Terjemahan Mohamad Hilmi Marjunit. Shah Alam: IBDE Ilham Sdn. Bhd.
- Nisrina Muhajirah, Yayah Chanafiah & Emi Agustina. 2021. *Analisis Stilistika Novel Tentang Kamu Karya Tere Liye Dan Relevansinya Dalam Materi Ajar Bahasa Indonesia Di Sma*. Jurnal Ilmiah Korpus. Vol. 5 No. 1. Bengkulu: Universitas Bengkulu.
- Setiawati Darmjuwono.. 2000. *Manipulasi Bahasa dan Prasangka Sosial Dalam Komunikasi*. Jurnal Wacana. Vol. 2 No. 1. Malang: Universiti Brawijaya.